

QUDWAH DAN USWAH ACUAN AL QURAN DALAM KEPIMPINAN PENDIDIKAN

QUDWAH AND USWAH AS THE EXEMPLERY REFERENCE THROUGH THE QURAN IN THE EDUCATIONAL LEADERSHIP

Nurulasyikin Muda¹

Saifulazry Mokhtar²

Irma Wani Othman^{3*}

Nurul Ain Zulhaimi⁴

Romzi Ationg^{5*}

Mohd Sohaimi Esa⁶

Azlan Syafie Abdullah @ Raymond Majumah⁷

¹Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (Email: syikin@ums.edu.my)

²Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: saifulazry@ums.edu.my).

³Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: irma@ums.edu.my)*

⁴Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: nurulainz@ums.edu.my)

⁵Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: mrationg@ums.edu.my)*

⁶Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (Email: msohaimi@ums.edu.my)

⁷Pejabat Pendidikan Daerah Kudat, Sabah, Malaysia, (E-mail: raymondmajumah@hotmail.com)

* Corresponding Author

Article history

Received date : 25-3-2021

Revised date : 21-4-2021

Accepted date : 16-5-2021

Published date : 30-6-2021

To cite this document:

Muda, N., Mokhtar, S., Othman, I. W., Zulhaimi, N. A., Ationg, R., Esa, M. S., & Majumah, A. S. A. R. (2021). Qudwah Dan Uswah Acuan Al Quran Dalam Kepimpinan Pendidikan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 135 - 146.

Abstract: *Kajian ini merupakan kajian analisis ayat al Quran yang mengandungi perkataan qudwah dan uswah. Kajian ini bertujuan untuk menghasilkan peta minda ciri dan kata kunci dalam mewujudkan acuan keteladanan melalui al Quran berdasarkan ayat-ayat yang terkandung di dalamnya perkataan qudwah dan uswah dalam menentukan kriteria kepimpinan pendidikan menggunakan acuan al Quran. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan membuat analisa berkaitan dengan ayat al Quran yang ada perkataan qudwah dan uswah disebutkan dalam ayat tersebut. Ia dimulai dengan membuat carian perkataan qudwah dan uswah secara berasingan menggunakan aplikasi Fetyaton Amanou serta carian atas talian menggunakan enjin carian google dan bing. Setiap dapatan dari carian ini disenaraikan di dalam sebuah jadual yang memperincikan ayat tersebut digolongkan kepada kriteria qudwah atau uswah. Setelah itu, terjemahan yang diambil dari celiktafisir.net digunakan untuk kesemua ayat yang telah dikumpulkan diletakkan bersebelahan ayat, dan analisis dijalankan untuk*

mengenal pasti isi penting dari terjemahan tersebut. Kesemua isi penting dicatatkan bersebelahan terjemahan dan seterusnya dijadikan kata kunci yang akan digunakan dalam membentuk sebuah peta minda yang bertujuan memudah fahamkan konsep asas berkaitan qudwah dan uswah melalui ayat al Quran. Setelah terhasilnya peta minda ini, ianya digunakan sebagai acuan dalam menyenaraikan kriteria qudwah dan uswah mengikut konteks kepimpinan pendidikan. Hasil kajian mendapati kriteria yang terhasil dalam kepimpinan Pendidikan ini adalah; 1. Menjadikan Nabi Muhammad SAW dan Nabi Ibrahim Alaihissalam serta umatnya sebagai contoh teladan. Ianya boleh diperolehi dengan menyemak sumber-sumber berkaitan dengan kaedah mendidik bersumber dari dalil naqli; 2. Meninggalkan tatacara adat nenek moyang yang bersalahan dengan ajaran Islam; 3. Tiada kompromi walaupun dengan keluarga apabila mereka tidak mengikut ajaran Islam; 4. Menjadikan al Quran sebagai pedoman dan menguasai al Quran untuk disampaikan kepada orang lain; 5. Tidak menjadikan pengetahuan al Quran sebagai bahan untuk meraih keuntungan; 6. Mengaplikasikan rasa harap rahmat dari Allah. 7; Mewujudkan rasa takut kepada hari akhirat yang boleh membantu untuk mengelakkan diri dari melakukan perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam, dan; 8. Menyedari bahawa taat kepada perintah Allah dan Rasulnya ini bukan untuk menunjukkan bahawa Allah itu sangat memerlukan bantuan dari makhluknya namun ianya adalah menunjukkan sifat ketuhanan dan nilai kehambaan. 9. Menyedari kepentingan merujuk dan menyemak dalil naqli yang lain dalam membuat kesimpulan berkenaan sesuatu ayat kerana kriteria al Quran yang turut berkonsep sesuatu ayat diterangkan dengan ayat yang lain.

Kata Kunci: Qudwah, Uswah, Al Quran, Kepimpinan

Abstract: This study is an analysis of Quranic verses that contain the words qudwah and uswah. This study aims to produce a mind map of characteristics and keywords in creating an exemplary exemplery through the Quran based on the verses contained in it the words qudwah and uswah in determining the criteria of educational leadership using the exemplery of the Quran. This study uses a qualitative method by making an analysis related to the verses of the Quran that have the words qudwah and uswah mentioned in the verse. It starts by searching for the words of qudwah and uswah separately using the Fetyaton Amanou application as well as an online search using google and bing search engines. Each finding from this search is listed in a table detailing the verses classified into the criteria of qudwah or uswah. After that, the translation taken from celiktafisir.net was used for all the sentences that had been collected were placed next to the sentences, and an analysis was conducted to identify the important content of the translation. All important contents are recorded next to the translation and then used as keywords that will be used in forming a mind map that aims to facilitate understanding the basic concepts related to qudwah and uswah through the verses of the Quran. After the production of this mind map, it is used as a template in listing the criteria of qudwah and uswah according to the context of educational leadership. The results of the study found that the resulting criteria in this educational leadership are; 1. Making the Prophet Muhammad SAW and the Prophet Ibrahim Alaihissalam and his people as role models. It can be obtained by reviewing the sources related to the method of educating sourced from dalil naqli; 2. Abandoning the customs of the ancestors that are contrary to the teachings of Islam; 3. There is no compromise even with the family when they do not follow the teachings of Islam; 4. Make the Quran as a guide and master the Quran to be conveyed to others; 5. Do not use the knowledge of the Qur'an as a material for profit; 6. Apply the hope of God's mercy. 7; Creating a fear of the hereafter that can help to avoid doing things that are contrary to the teachings of

Islam, and; 8. Realizing that obedience to the command of Allah and His Messenger is not to show that Allah is in dire need of help from his creatures but it is to show the nature of divinity and the value of servitude. 9. Recognize the importance of referring to and checking other naqli propositions in making conclusions about a verse because the criteria of the Quran which also has the concept of a verse is explained with another verse.

Keywords: *Qudwah, Uswah, Al-Quran, Leadership*

Pengenalan

Antara konsep pembelajaran dan pendidikan al-Quran adalah untuk menghayati ajaran dan akhlak al-Quran dengan memahami maksud ayat-ayat al-Quran melalui peristiwa-peristiwa yang diceritakan (Mohd Yusof 2000). Apabila berbicara tentang aspek kepemimpinan, pendidikan dan contoh teladan yang baik, seringkali kita melihat perkataan qudwah dan uswah digunakan mewakili situasi tersebut yang mencerminkan konsep Islam. Turut didapati dalam penulisan-penulisan ilmiah dan separa ilmiah penggunaan penambahan perkataan hasanah yang bermaksud baik bagi kedua-dua perkataan qudwah dan uswah.

Walaubagaimanapun, dalam carian kamus Kamus Dewan yang berfungsi merakam perkataan yang banyak digunakan dalam kalangan masyarakat dengan merujuk data korpus, uswah didefinisikan sebagai teladan dan contoh. Uswah hasanah pula membawa maksud teladan yang baik. Walaubagaimanapun perkataan qudwah tidak terakam dalam kamus (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020)

Rasulullah SAW juga merupakan qudwah hasanah di dalam aspek adab dan akhlak sebagaimana hadis bahawa baginda diutuskan adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia. Rasulullah telah berjaya mentarbiyah dan membina para sahabat sebagai generasi al Quran, yang benar-benar faham tentang al Quran sehingga sanggup berkorban kerana Allah. Justeru, ia memberi kefahaman kepada kita bahawa pentingnya untuk kembali kepada al Quran dan memahami perkataan-perkataannya agar isi kandungannya dalam diterapkan dalam diri individu Muslim.

Pernyataan Masalah

Al Quran merupakan kitab panduan orang Islam dalam memahami berbagai aspek kehidupan. Qudwah dan uswah menjadi antara perkataan sinonim dalam kalangan umat Islam yang mencerminkan contoh ikutan yang baik. Potongan ayat al Quran yang memfokuskan kepada qudwah dan uswah ini perlulah dijadikan sumber pertama dalam menetapkan nilai awal dalam ciri kepemimpinan sebagai sebuah acuan. Kebanyakan bahan literatur yang sedia ada membahaskan penerangan secara lebih terperinci yang menjadikan ianya tidak begitu berfokus dalam menetapkan sebuah pola acuan awal yang sewajarnya menjadi asas atau kata kunci kepada perincian melalui dalil-dalil naqli yang lain.

Kepentingan kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang membuat analisa ciri-ciri dan isi penting yang ada dalam ayat-ayat yang terkandung di dalamnya perkataan qudwah dan uswah yang akan dijadikan acuan al-Quran dalam sesuatu keadaan yang memerlukan keteladanan.

Persembahannya dalam bentuk peta minda akan lebih memudahkan pengaplikasian ciri qudwah dan uswah dalam pengurusan pendidikan serta dalam bidang-bidang lain.

Objektif kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Menghasilkan peta minda ciri dan kata kunci dalam mewujudkan acuan keteladanan melalui al Quran berdasarkan ayat-ayat yang terkandung di dalamnya perkataan qudwah dan uswah.
2. Menghasilkan kriteria kepimpinan pendidikan menggunakan peta minda acuan qudwah dan uswah yang dihasilkan.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan membuat analisa berkaitan dengan ayat al Quran yang ada perkataan qudwah dan uswah disebutkan dalam ayat tersebut. Ia dimulai dengan membuat carian perkataan qudwah dan uswah secara berasingan menggunakan aplikasi Fetyaton Amanou serta carian atas talian menggunakan enjin carian google dan bing. Setiap dapatan dari carian ini disenaraikan di dalam sebuah jadual yang memperincikan ayat tersebut digolongkan kepada kriteria qudwah atau uswah. Setelah itu, terjemahan yang diambil dari celiktafisir.net digunakan untuk kesemua ayat yang telah dikumpulkan diletakkan bersebelahan ayat, dan analisis dijalankan untuk mengenal pasti isi penting dari terjemahan tersebut. Ayat-ayat ini menggunakan terjemahan dari laman sesawang tafsir.net yang mana menurut pemerhatian penulis ianya menggunakan laras bahasa Melayu yang sangat baik dan juga mempunyai penerangan yang yang terperinci di samping mengaitkan dengan isu semasa. Kesemua isi penting dicatatkan bersebelahan terjemahan dan seterusnya dijadikan kata kunci yang akan digunakan dalam membentuk sebuah peta minda yang bertujuan memudah fahamkan konsep asas berkaitan qudwah dan uswah melalui ayat al Quran. Ini kerana penggunaan peta minda boleh memberikan kemudahan untuk memahami hubungan kata kunci antara satu dengan lainnya dan dan mudah untuk memahami konsep tersirat yang disampaikan (Buzan, 1993).

Setelah terhasilnya peta minda ini, ianya digunakan sebagai acuan dalam menyenaraikan kriteria qudwah dan uswah mengikut konteks kepimpinan pendidikan. Senarai inilah yang akan menjadi dapatan kajian ini.

Tinjauan Literatur

Al Quran sebagai Sumber Rujukan

Hebatnya al-Quran apabila ianya menjadi penggerak terawal dalam memelopori ilmu dalam berbagai bidang (Zetti et. al, 2016). Para pemikir di zaman awal Islam banyak melakukan analisis terhadap fakta-fakta wahyu sebagai satu promosi pembentukan pemikiran yang positif (Abdullah & Imam, 2008). Pemikiran kritis yang bersumberkan al Quran perlu diuar-uarkan kerana ianya berpotensi menjadi penyelesaian kepada permasalahan kehidupan (Zainorah, 2015). Ini melihat kepada situasi keberjayaan generasi Islam pertama yang mana para sahabat benar-benar mengaplikasikan keadah alQuran dan sunnah dalam kehidupan dan permasalahan mereka (Muhammad al Ghazzali). Mendominasi isi kandungan al Quran ini perlu dibuat, dikaji dan digarap untuk kepentingan dan kebaikan dan manfaat semua pihak (Zainorah, 2015). Pentingnya al-Quran ini dijadikan panduan dengan dikaji secara mendalam kerana sesuatu

keadaan yang diceritakan dari ayat itu boleh jadi mempunyai penjelasan yang lebih terperinci dalam menerangkan maksud sebenar ayat. Sebagai contoh dalam aspek ayat yang menyatakan bahawa lelaki itu lebih kuat dan wajar untuk menjadi pemimpin, terdapat pula situasi yang lain yang menyatakan bahawa setiap dari kita adalah ketua dan bertanggungjawab dengan orang di bawah kita (Makmur, 2020).

Kepimpinan dalam Islam

Dalam konteks kepimpinan pula, banyak literatur yang menerangkan dengan terperinci tentang aspek yang lebih bersasar dalam skop tertentu. Mohd. Amin Saleh (1990) dalam Zulkiple Abd. Ghani (2006), menggariskan lima tanggungjawab utama kepimpinan dalam Islam yang perlu dipenuhi iaitu; menegakkan Kebenaran Islam; memelihara Karamatul Insan; memakmurkan Buminya; menjalankan Urusan Amar Makruf dan Nahi Munkar; dan Islah (memperbaiki) Masyarakat Melalui Gunatenaga yang Patut. Nabi Muhammad S.A.W telah mendahului kita dalam kepimpinan transformasi di mana Baginda berjaya mengubah masyarakat di Semenanjung Arab dengan membawa cahaya Islam kepada penduduk di sana sehingga tertubuhnya sebuah negara Islam.

Iqtida' merupakan kaedah tarbiyah dalam Islam dan menjadi falsafah kenabian, ini disebabkan oleh manusia memerlukan contoh untuk diikuti dan berjalan dengan laluan tersebut. Ia memberi maksud bahawa orang yang diikuti itu menjadi idola, contoh, ikutan dalam berinteraksi dan berurusan dengan orang lain. Dari perkataan inilah terhasilnya perkataan qudwah apabila seseorang individu berjaya menjadikan orang yang lain mengikut caranya. Iqtida' adalah merupakan proses mengikut kaedah, kepercayaan dan falsafahnya yang mana individu yang diikuti itu hendaklah berada di kedudukan yang lebih tinggi darjat dan kedudukannya dalam sesebuah sosio masyarakat.

Keistimewaan konsep iqtida ini adalah merupakan satu bentuk ikutan secara pilihan rela hari dari pengikut dan tanpa sebarang paksaan dari mana-mana pihak. Ini mencerminkan kecenderungan, minat dan yakin dan membuat ikutan tersebut. Terdapat situasi yang hampir sama yang dinamakan sebagai meniru atau taqlid yang mana ianya mesti dibuat dan tiada pilihan. Inilah yang membezakan taqlid dengan iqtida' kerana iqtida dilakukan dengan hati yang ikhlas serta kebebasan memilih dan kehendak pengikut itu sendiri cara percakapan dan pergaulannya (Abu Khalil, 2014).

Antara kesan pengalaman qudwah dan uswah (Abdul Jalil, 2019):

1. Meninggikan akhlak islam dan cara hidup yang baik yang menepati fitrah manusia yang sukakan kebaikan
2. Meninggikan dan memuliakan umat,dengan melatih akhlak yang baik kepada anak-anak
3. Penyelesaian kepada masalah buruk akhlak dalam kalangan anak-anak dengan memberi bimbingan kepada cara yang betul yang akan memberi impak yang besar kepada memperbaiki masyarakat yang sakit moralnya sekaligus melahirkan suasana masyarakat yang aman dan tenteram

Abu Khalil (2014) turut menyatakan kesan dari qudwah dan uswah ini, menjadikan seseorang yang mengikutinya mempunyai sifat istihsan dan mampu menarik orang lain.selain itu ia menjadikan seseorang itu merasa cukup dengan telah dia miliki walaupun ada perkara lain yang ingin dimiliki. Menjadi fitrah manusia juga yang telah dianugerahkan oleh Allah akan terkesan

dengan ikutan atau qudwah tersebut. Kesan qudwah ini berlaku kepada orang ramai secara umum tanpa diketahui oleh individu contoh tersebut. Ia menjadikan wujudnya keberangskalian semua manusia akan cuba mengikutinya.

Kepentingan Idea Utama

Walaubagaimanapun, pemahaman asas untuk mengenalpasti konteks qudwah dan uswah sebagai acuan ini perlulah mengambil aspek mengenalpasti idea utama yang ada dalam sesuatu pernyataan Literacyideas (t.t) menyatakan bahawa dengan memahami idea utama inilah menjadikan seseorang itu dapat menyingkap maksud yang ingin disampaikan. Pendedahan kepada pemahaman idea utama melalui teks yang lebih pendek akan memberikan keyakinan untuk seseorang itu mendapatkan lagi idea utama yang lain melalui teks teks yang lebih panjang dan lebih banyak.

Idea utama ini juga boleh diterjemahkan dalam bentuk yang ringkas yang mempunyai jumlah bilangan perkataan yang sedikit dan lebih mudah untuk diingati berbanding membaca teks yang panjang. Ianya kerap digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam membantu pelajar untuk memahami pelajaran secara keseluruhan berdasarkan idea-idea utama berbanding menghafal keseluruhan teks. Peningkatan pemahaman ini merupakan satu konsep berfikir yang diterjemahkan ke satu kaedah yang lebih menarik dan mudah (Nazri et. al, 2020)

Pentingnya peta minda ini sehingga banyak modul dibina antaranya adalah Peta Minda Buzan, sehinggakan ianya digunakan oleh semua golongan umur yang ingin menggunakan pemikiran dengan lebih berkesan diseluruh dunia yang terdiri daripada pelajar, pendidik, peniaga, jurutera dan lain-lain (Muhammad Asri et. al, 2016). Konsep peta minda Buzan juga turut diketengahkan dalam menarik minat pelajar untuk belajar bahasa Arab (Erlind, 2014)

Kajian lepas

Kajian membentuk peta minda dan kata kunci hasil analisis sebagai asas dalam skop semantik tersebut tidak banyak dijalankan. Ini memberi gambaran bahwa kajian seperti ini merupakan antara bentuk kajian yang belum dipelopori sepenuhnya oleh para pengkaji. Walaubagaimanapun pengkaji telah mendapati sebuah tesis yang mengaplikasi konsep peta minda ini dan ianya menjadi satu-satunya sumber kajian lepas yang sangat panting.

Zainorah (2015) telah membuat kajian dalam tesisnya bertajuk Elemen Pemikiran Kritis Menurut Perspektif Al-Quran: Kajian Surah Al-Rum mengkaji nilai pemikiran kritis melalui perkataan-perkataan yang khusus dalam surah ar Rum. Antara objektif kajian tesis ini yang berkaitan dengan skop kajian adalah mengkaji elemen-elemen asas dan utama pemikiran kritis, berdasarkan istilah istilah al-Quran. Salah satu dari kepentingan kajian beliau adalah untuk menambah dan meluaskan lagi khazanah keilmuan mengenai istilah-istilah al-Quran yang melambangkan konsep pemikiran kritis Islam. Terdapat 12 perkataan yang dikaji dan Pengkaji membuat analisa mengeluarkan perkataan-perkataan dalam skop kajian beliau antaranya perkataan serta derivatifnya dan menyenaraikan dalam jadual yang mudah dilihat susunan perkataan-perkataan tersebut. Kekerapan perkataan tersebut dan kerelevannya dengan skop dinyatakan. Seterusnya ayat tersebut diberi tejemahan dan penerangan. Pengkaji juga merumuskan keumuman maksud setiap perkataan yang dikaji dengan penggunaan yang lebih meluas. Terdapat juga hasil analisis ayat dipersembahkan melalui rajah secara grafik dan pemetaan minda dalam menyampaikan dapatan secara lebih tertumpu dan jelas lebih mudah

untuk difahami. Kesimpulan kajian ini menunjukkan pemaparan elemen yang ingin dinyatakan melalui perkataan yang dikaji .

Dapatan kajian

Pengkaji telah mendapati dari hasil pencarian menggunakan perkataan qudwah dan uswah penemuan seperti dalam jadual di bawah dan disusun mengikut kedudukan di dalam al Quran.

Jadual 1: Analisis Kata Kunci Terjemahan Ayat Qudwah dan uswah

Uswah/Qudwah	Ayat lengkap	Terjemahan	Kata Kunci
Qudwah	<p>أُولَئِكَ الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ فَبِهِدَاهُمْ أَقْتَدَهُ قُلْ لَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِلْعَالَمِينَ</p> <p>الأنعام 90</p>	<p>Mereka (Nabi-nabi) itulah, orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah, maka turutlah olehmu (wahai Muhammad) akan petunjuk mereka; Katakanlah: “Aku tidak meminta upah kepada kamu mengenai petunjuk (Al-Qur’an yang aku sampaikan) itu. Al-Qur’an itu tidak lain hanyalah peringatan bagi penduduk alam seluruhnya.</p>	<p>- nabi terdahulu sebagai ikutan</p> <p>-Nabi Muhammad yang mempunyai akhlak yang baik diminta untuk mengikuti para nabi terdahulu</p> <p>-al Quran disampaikan bukan untuk tujuan mendapatkan upah</p> <p>-al Quran menjadi peringatan kepada semua</p>
Uswah	<p>لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا</p> <p>الأحزاب 21</p>	<p>Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.</p>	<p>-Rasulullah sebagai teladan</p> <p>-menaruh harapan untuk menerima rahmat Allah</p> <p>-menaruh harapan untuk hari kiamat</p> <p>-banyak menyebut nama Allah</p>
Qudwah	<p>وَكَذَلِكَ مَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ فِي قَرْيَةٍ مِّنْ نَّذِيرٍ إِلَّا قَالَ مُتْرَفُوهَا إِنَّا وَجَدْنَا آبَاءَنَا عَلَىٰ أَمَةٍ وَإِنَّا عَلَىٰ آثَارِهِمْ مُقْتَدُونَ</p>	<p>Dan demikianlah halnya (orang-orang yang taqlid buta); Kami tidak mengutus sebelummu (wahai Muhammad) kepada</p>	<p>-rasul diutus untuk memberi amaran kepada orang yang mengikut adat yang salah</p>

	الزخرف 23	(penduduk) sesebuah negeri, seseorang Rasul pemberi amaran, melainkan orang-orang yang berada dalam kemewahan di negeri itu berkata: “Sesungguhnya kami dapati datuk nenek kami menurut satu jalan agama, dan sesungguhnya kami hanya mengikut jejak mereka sahaja”.	
Uswah	<p>قَدْ كَانَتْ لَكُمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ فِي إِبْرَاهِيمَ وَالَّذِينَ مَعَهُ إِذْ قَالُوا لِقَوْمِهِمْ إِنَّا بُرَاءُ مِنْكُمْ وَمِمَّا تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ كَفَرْنَا بِكُمْ وَبَدَا بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ الْعَدَاوَةُ وَالْبَغْضَاءُ أَبَدًا حَتَّى تُؤْمِنُوا بِاللَّهِ وَحَدَهُ إِلَّا قَوْلَ إِبْرَاهِيمَ لِأَبِيهِ لَأَسْتَعِينَنَّكَ وَمَا أَنَا بِمُشْرِكٍ بِكَ مِنْ اللَّهِ مِنْ شَيْءٍ عَرَّبْنَا عَلَيْكَ تَوَكَّلْنَا وَإِلَيْكَ أَنبْنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ</p> <p>الممتحنة 4</p>	<p>Sesungguhnya telah ada suri tauladan yang baik bagimu pada Ibrahim dan orang-orang yang bersama dengan dia; ketika mereka berkata kepada kaum mereka: “Sesungguhnya kami berlepas diri daripada kamu dari daripada apa yang kamu sembah selain Allah, kami ingkari (kekafiran)mu dan telah nyata antara kami dan kamu permusuhan dan kebencian buat selama-lamanya sampai kamu beriman kepada Allah saja. Kecuali perkataan Ibrahim kepada bapanya: “Sesungguhnya aku akan memohonkan ampunan bagi kamu dan aku tiada dapat menolak sesuatu pun dari kamu (seksaan) Allah”. (Ibrahim berkata): “Ya Tuhan kami hanya kepada Engkau lah kami bertawakkal dan hanya kepada Engkau lah kami bertaubat dan hanya kepada Engkau lah kami kembali”.</p>	<p>-contoh tauladan dari nabi Ibrahim</p> <p>-pengistiharan untuk tidak mengikut adat yang salah dalam masyarakat walaupun dalam keluarga terdekat</p> <p>-penegasan untuk mengikut agama Allah</p> <p>-Nabi Ibrahim doakan keampunan ayah baginda dikecualikan dari menjadi ikutan kerana salah</p> <p><i>*ayat ini memerlukan penerangan dari ayat lain tentang pendirian Nabi Ibrahim setelah mengetahui kekufuran ayahnya</i></p>
Uswah	<p>لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِيهِمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ</p>	<p>Sesungguhnya pada mereka itu (Ibrahim dan umatnya) ada teladan yang baik</p>	<p>-meneladani nabi ibrahim</p>

	<p>وَالْيَوْمَ الْأَجْرَ وَمَنْ يَتَوَلَّ فَإِنَّ اللَّهَ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ الممتحنة 6</p>	<p>bagimu; (iaitu) bagi orang-orang yang mengharap (pahala) Allah dan (keselamatan pada) Hari Kemudian. Dan barangsiapa yang berpaling, maka sesungguhnya Allah Dialah yang Maha kaya lagi Maha Terpuji.</p>	<p>-sifat mengharapkan pahala -sifat berharap selamat pada hari kemudian -tiada keuntungan kepada orang yang tidak mengikut sifat dan arahan ini</p>
--	---	--	--



Rajah 1: Acuan qudwah dan uswah

Dari rajah peta minda acuan qudwah dan uswah di atas, ia menjelaskan bahawa konsep qudwah dan uswah ini berlaku oleh para nabi terdahulu, termasuk nabi Ibrahim dan umatnya yang menjadi contoh kepada Nabi Muhammad SAW. Dengan itu, Nabi Muhammad SAW telah

menjadi uswah hasanah kepada umatnya. Umat Nabi Muhammad juga diminta untuk menjadikan Nabi Ibrahim dan umatnya sebagai uswah hasanah.

Dalam masa yang sama, qudwah sayyi'ah juga disebut namun terkeluar dari lingkungan qudwah dan uswah yang baik. Ianya adalah pegangan nenek moyang umat terdahulu dan juga pernyataan untuk umat Muhammad tidak mengikuti apa yang dilakukan oleh nabi Ibrahim mendoakan ayah baginda yang kafur. Situasi ini juga memperjelaskan bahawa pentingnya untuk kita memahami ayat dengan baik kerana ayat ini membawa kepada penjelasan berikutnya dalam ayat yang lain walaupun tiada perkataan qudwah dan uswah dalam ayat penerangan tersebut. Situasi ini sekaligus meneguhkan bahawa untuk mendapatkan penjelasan yang lebih mendalam, kita memerlukan penjelasan dari ayat-ayat yang lain dan tidak rigid kepada acuan yang telah ditetapkan.

Berdasarkan acuan asas ini, maka ianya bolehlah digunakan dalam kepimpinan pendidikan yang dimaksudkan iaitu dengan menjadikan aspek aspek berikut sebagai ciri yang diperlukan:

1. Menjadikan Nabi Muhammad SAW dan Nabi Ibrahim Alaihissalam serta umatnya sebagai contoh teladan. Ianya boleh diperolehi dengan menyemak sumber-sumber berkaitan dengan kaedah mendidik bersumber dari dalil naqli.
2. Meninggalkan tatacara adat nenek moyang yang bersalahan dengan ajaran Islam.
3. Tiada kompromi walaupun dengan keluarga apabila mereka tidak mengikut ajaran Islam.
4. Menjadikan al Quran sebagai pedoman dan menguasai al Quran untuk disampaikan kepada orang lain.
5. Tidak menjadikan pengetahuan al Quran sebagai bahan untuk meraih keuntungan.
6. Mengaplikasikan rasa harap rahmat dari Allah.
7. Mewujudkan rasa takut kepada hari akhirat yang boleh membantu untuk mengelakkan diri dari melakukan perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam.
8. Menyedari bahawa taat kepada perintah Allah dan Rasulnya ini bukan untuk menunjukkan bahawa Allah itu sangat memerlukan bantuan dari makhluknya namun ianya adalah menunjukkan sifat ketuhanan dan nilai kehambaan.
9. Menyedari kepentingan merujuk dan menyemak dalil naqli yang lain dalam membuat kesimpulan berkenaan sesuatu ayat kerana kriteria al Quran yang turut berkonsep sesuatu ayat diterangkan dengan ayat yang lain.

Kesimpulan

Islam adalah sebuah agama yang lengkap dengan garis panduan samada melalui al Quran dan sunnah sebagai dalil naqli untuk digunakan dalam kehidupan manusia seharian termasuklah dalam dunia kepimpinan pendidikan. Kemahiran untuk mengenalpasti ayat-ayat yang berkaitan dalam memperkatakan tentang sesuatu situasi atau permasalahan adalah sangat penting supaya maklumat yang tepat dapat diperolehi dan digunakan sebagai pedoman. Sistem yang memudahkan cara pemahaman manusia seperti gambar rajah, jadual dan peta minda (Zainorah, 2015) juga perlu digabungkan dalam memberi maklumat agar ia menjadi kata kunci yang berfokus yang diharapkan menjadi penyelesaian kepada permasalahan kajian ini seperti yang dinyatakan di atas. Ini kerana, maklumat yang terlalu banyak dalam bentuk teks mungkin boleh membawa kepada lencongan fokus oleh pembaca dan idea yang ingin disampaikan mungkin tidak berlaku seoptimumnya. Dengan adanya kata kunci seperti ini, ia bertindak sebagai acuan, dan bagi kajian ini, ayat-ayat al Quran berkaitan qudwah dan uswah yang telah dikenal pasti kata

kuncinya menjadi sebuah acuan yang pada dasarnya boleh digunakan dalam apa sahaja bidang kepimpinan, apa sahaja tahapnya, mengikut kesesuaian dan situasi yang ingin diperbincangkan. Setelah acuan ini diaplikasikan dalam konteks kepimpinan pendidikan, kajian ini memperlihatkan kepada kita bagaimanakah pentingnya elemen-elemen yang berkaitan dengan para nabi terdahulu terutama Nabi Muhammad dan Nabi Ibrahim, al Quran, tiada kompromi dalam hal hubungan kekeluargaan, tindakan yang dilakukan apabila telah melakukan kesilapan dalam membuat keputusan, sikap umat pada masa kini dan perkara-perkara yang menjadi ikutan hanya kerana adat dan budaya yang salah; perlulah dikenal pasti dan difahami agar penerapan nilai qudwah dan uswah yang bersifat hasanah atau baik dapat diaplikasikan sekaligus membentuk kepimpinan yang cemerlang.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2105 dan TLS2110)

Rujukan

Al Quran al Karim.

Abdullah, B. & Iman, K. (2008) .Seni Mengambil Keputusan, terj. Agus Suwandi. Solo, Indonesia: Aqwam

Abdul Jalil. (2019). Kaifa nakuunu qudwatan bilughatil quran. <https://www.almuheet.net/post/5858>

Abu Khalil, Y. (2014). alqudwah wal uswah fittarbiyyah islamiyyah. <https://esrc.org.lb/article.php?id=4446&cid=248>

Buzan, T (1993). The mind map book. London: BBC Books

Celik Tafsir. (T.T). <https://celiktafsir.net/>

Dewan Bahasa dan Pustaka, (2020). Maklumat Kata. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=uswah&d=175768&>

Erlind, A. B. (2014) *Penggunaan Peta Minda dalam Pembelajaran Balaghah di Sekolah Menengah Agama Tun Perak, Melaka, Malaysia*. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia.

Literacyideas. T.t. Reading For Meaning: Finding The Main Idea. Teaching students the main idea when reading — Literacy IdeasMohd Yusof, A. (2000). Sejarah Dan Kaedah Pendidikan Al-Quran. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Makmur, J. (2020). Penafsiran Surat An-Nisa' Ayat 34 Tentang Kepimpinan Dalam Alquran. At- Tanzir: Jurnal Prodi Komunikasi dan Penyiaran Islam. 11(2), 250-276

Muhammad, A. (1998). Dialog Dengan al-Quran, terj. Mardiyah Syamsuddin. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.

Muhammad Asri, M., Tee, T. K., Mohamed Nor Azhari, A., Ridzwan, C. R., Zaliza, H., Jailani, M. Y., Yee, M. H. & Mimi Mohaffyza, M. (2016). Modul Peta Minda Buzan dan pencapaian pelajar pendidikan asas vokasional di Malaysia: Satu kajian keberkesanan. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*. 12 (3):139 - 144

Nazri, A., Saipolbarin, R., Anida, S. (2020) Keberkesanan Peta Minda Dalam Pengajaran Kesusasteraan Arab Untuk Pelajar Program Bahasa Arab, Upsi. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. 2(3): 70-83

Zainorah, K. (2015). Elemen Pemikiran Kritis Menurut Perspektif Al-Quran: Kajian Surah Al-Rum. Tesis doktor falsafah. Universiti Malaya.

Zetti, N.R., Ab Halim T., Mohd, P. Mohd Faez, I. (2016). Peranan Al-Quran Sebagai Sumber Ilmu Pengetahuan Dan Hubungannya Dengan Sains. Proceeding of 5th International Conference on Islamic Education 2016